

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21/05/2008

## UMNO Perak rayu Tun tidak keluar UMNO

um-21/5/2008

IPOH 20 Mei - Badan Perhubungan UMNO Perak merayu bekas Perdana Menteri, Tun. Dr. Mahathir Mohamad membatalkan hasratnya untuk keluar daripada parti.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali berkata, setelah menerajui UMNO buat sekian lama iaitu selama 22 tahun, tindakan keluar daripada UMNO oleh Dr. Mahathir adalah sesuatu yang di luar dugaan.

"Demi bangsa, agama dan negara, bagi pihak Badan Perhubungan UMNO Nege-

ri Perak, saya merayu agar Tun Dr. Mahathir membatalkan hasrat beliau hendak keluar UMNO.

"Ini bagi membolehkan kita sama-sama memperkukuhkan UMNO bagi meneruskan wadah perjuangan yang belum selesai," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir mengumumkan keluar daripada UMNO, berkuat-kuasa serta-merta kerana hilang keyakinan terhadap kepimpinan Presiden UMNO sekarang, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi.

Tajol Rosli berkata, UMNO Perak berasa sungguh terkejut dengan tindakan bekas Presiden UMNO itu kerana mengisytiharkan keluar parti serta-merta.

Kata beliau, peristiwa yang menggemparkan itu memang amat mendukacitakan malah percaya seluruh warga UMNO dan umat Melayu berasa amat sedih di atas peristiwa tersebut.

Beliau berharap agar semua pihak khususnya warga UMNO Perak supaya bertenang menghadapi peristiwa tersebut.